

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	15 FEBRUARY 2017

PPBM enggan ketepikan DAP

UM - 15/2/2017

PUTRAJAYA 14 Feb. - Tun Dr. Mahathir Mohamad secara tegas menyatakan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) tidak akan sesekali menyetepikan DAP semata-mata untuk bekerjasama dengan Pas.



**MAHATHIR
MOHAMAD**

Keperluan DAP dalam pakatan pembangkang, menurut Pengerusi PPBM itu adalah sama seperti Barisan Nasional dan UMNO memerlukan MCA. Beliau berkata, PPBM akan

menjalinkan kerjasama dengan parti lain dalam pembangkang terutama DAP memandangkan parti itu mempunyai jumlah kerusi terbanyak iaitu 39 kerusi.

“Kerana itu, kita tidak akan meninggalkan parti yang memiliki 39 kerusi hanya semata-mata untuk mendapat sokongan parti yang hanya memiliki kurang daripada 20 kerusi.

“Kita harus terima bahawa nega-

ra ini berbilang kaum, mana boleh nak dapatkan kemenangan dan mahu mendirikan kerajaan cuma mahu dapat undi Melayu sahaja, itu tidak boleh,” katanya kepada pemberita selepas majlis penyerahan wafiah kepada 120 ketua bahagian PPBM di sini hari ini.

Sambil menafikan PPBM pernah memberi kata dua kepada Pas untuk menjalin kerjasama, Dr. Mahathir berkata, pihaknya akan terus menunggu Pas dalam tempoh sebulan untuk parti itu membuat keputusan.